

Hak sahaja tak membawa erti tanpa pekerjaan — Mahathir

# Tuntutan mesti seiring dengan tahap produktiviti

UM 4 NOV 1986

**K**UALA LUMPUR 3 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan golongan pekerja bahawa sebarang tuntutan mereka hendaklah seiring dengan tahap produktiviti.

Beliau juga menegaskan kaum pekerja boleh membuat tuntutan tetapi hendaklah dalam kemampuan negara - negara sedang membangun.

“Tanpa produktiviti dan jika barangan yang dihasilkan tidak dapat bersaing dalam pasaran, pekerja - pekerja juga akan kehilangan kerja. Hak sahaja tidak membawa apa-apa erti tanpa pekerjaan,” katanya ketika merasmikan Persidangan Produktiviti Antarabangsa di sini pagi ini.

Kira-kira 500 orang peserta dari 17 buah negara termasuk Indonesia, Fiji, Republik Korea, Thailand, India dan Nepal menyertai persidangan empat hari itu yang bertemakan ‘Produktiviti Melalui Manusia Dalam Zaman Perubahan Teknologi’.

Perdana Menteri menjelaskan saranan tersebut ditujukan kepada sektor swasta, ahli-ahli perniagaan, kesatuan - kesatuan sekerja dan badan - badan profesional.

“Ini bukan soalnya menggesa kaum pekerja kita menjadi lebih produktif tetapi meminta semuanya menjadi lebih produktif,” kata beliau.

Perdana Menteri menambah memperbaiki produktiviti di kalangan pekerja masih merupakan faktor utama dalam strategi pembangunan negara meskipun negara - negara maju mengamalkan kuota, dasar perlindungan dan subsidi.

Sebagai sebuah negara kecil, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, Malaysia tidak boleh berputus asa dengan sekatan - sekatan tersebut sebaliknya menjadi lebih cekap dan terus produktif.

Beliau lalu menegur sikap negara - negara maju yang menyekat pasaran dan menghulurkan subsidi yang banyak kepada industri - industri yang tidak sesuai.

“Produktiviti tidak akan berhasil tanpa dunia persaingan yang bebas. Adalah ganjil untuk saya bercakap tentang hal ini. Biasanya masyarakat negara maju yang bercakap tentang perdagangan bebas dan persaingan. Mereka juga yang menegakkan bahawa kecekapan itu suatu perkara yang suci dan persaingan adalah intipati perdagangan bebas,” kata Perdana Menteri panjang lebar.

Beliau kemudiannya menyeru sektor swasta, ahli-ahli perniagaan, kesatuan - kesatuan sekerja dan badan - badan profesional supaya mengorak langkah mempertingkatkan produktiviti.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, semua pihak perlu mengkaji secara kritikal peranan masing - masing dan tidak hanya mencari kelemahan orang lain.

“Biasanya kita lebih tahu apa yang orang lain buat tetapi jarang sekali kita sedar dan juga perkara yang boleh kita lakukan. Jika kita mahukan kehidupan yang lebih baik, kita perlu membuat pengorbanan dan sumbangan kita terlebih dahulu,” tegasnya.

Rakyat Malaysia, kata beliau kini terpaksa menghadapi kenyataan bahawa perdagangan komoditi negara

telah terjejas dan perlu menyesuaikan diri dengan keadaan itu.

Jelasnya, apa juga yang dilakukan oleh kerajaan apabila menukar rancangan dan membentangkan belanjawan terbaharu negara adalah untuk menyedarkan rakyat tentang keadaan ekonomi yang sebenar jika tidak keadaan akan menjadi bertambah buruk.

Menurut Perdana Menteri lagi, Malaysia sebagai negara - negara sedang membangun lain yang banyak bergantung kepada perdagangan komoditi tidak mempunyai pilihan lain selain dari menerokai bidang-bidang baru seperti pembuatan.

Tambah beliau, jika negara bergantung lebih kepada pembuatan, soal produktiviti akan menjadi lebih penting dan semua pihak perlu menjadi lebih produktif.

Perdana Menteri turut menjelaskan salah satu langkah untuk menyumbangkan kepada produktiviti negara ialah dengan menghapuskan keredah pentadbiran (red-tap) dalam kerajaan dan juga melalui Dasar Pensewastaan.

Katanya, di samping memberi keutamaan peruntukan kewangan kepada projek - projek dan kegiatan - kegiatan yang boleh menyumbang kepada ekonomi negara, kerajaan juga akan berbuat banyak lagi untuk mempertingkatkan produktiviti.

Menjelaskan lagi tentang produktiviti, Datuk Sri Dr. Mahathir menekankan bahawa ianya bukan sahaja bererti kerja keras dan tempoh kerja yang lebih panjang tetapi juga kos pengeluaran yang lebih rendah.

Menurut beliau, satu langkah ke arah produktiviti yang lebih tinggi ialah penyelidikan dan pemajuan (R&D) dan pengalaman Malaysia sendiri dalam bidang penyelidikan adalah amat berfaedah.

Perdana Menteri mengambil contoh penanaman getah, kelapa sawit dan padi di mana hasil yang diperolehi sekarang adalah lebih tinggi dari sebelumnya.

Malaysia, bagaimanapun, jelasnya hanya membelanjakan sedikit sahaja untuk R&D kerana "pengawal-pengawal kewangan sering menyoal mengapa wang yang banyak perlu dibelanjakan untuk penyelidikan."

Bercakap tentang penyelidikan, beliau menegaskan ianya tidak sepatutnya dihadkan kepada satu-satu perniagaan sahaja memandangkan setiap peringkat perniagaan boleh mendapat faedah dari penyelidikan.

Cara-cara pembuatan di negara-negara sedang membangun, katanya masih lagi mundur dan di samping tenaga pekerja, penggunaan jentera dan robot juga perlu dipertimbangkan supaya boleh bersaing dengan negara-negara lain.

Perdana Menteri kemudiannya mengingatkan bahawa usaha meningkatkan pelajaran dan kemahiran perlu selaras dengan kerja kuat dan dedikasi.

Di negara-negara sedang membangun, kata beliau, para profesional enggan berdamping dengan pekerja biasa dan kerja yang dibuat di lantai kedai.

"Mereka ini mempunyai bilik berhawa dingin di mana mereka ingat produktiviti boleh ditingkatkan dengan hanya menulis di kertas-kertas nota. Kadangkala kelayakan pelajaran di negara-negara sedang membangun adalah lebih merupakan simbol taraf dan bukan keperluan serius untuk kerja mahir," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Menurut beliau, dalam soal ini jelas semua pihak termasuk pengurusan mempunyai peranan penting untuk mempertingkatkan produktiviti dan matlamat ini tidak akan tercapai jika masing-masing pihak hanya mengkritik sesama sendiri.

Jelasnya, semua pihak yang terlibat dengan usaha meningkatkan produktiviti perlu bersedia menghadapi perubahan baik dari segi penggunaan jentera, teknik-teknik baru mahupun perhubungan sesama sendiri.